



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok CI, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel.: 03-88853001
Faks.: 03-88892187
E-mail: abubakar.kpps@jpa.gov.my
Web: <http://www.jpa.gov.my>



Penerima:
Anugerah Perdana
Teknologi
Maklumat 2006

Ruj. Kami
Tarikh:

JPA BK(S)255/4/5 Jld.5 (56)
13 April 2012

YBhg. Dato' Dr. Rosli bin Mohamed
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E11
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

PENETAPAN KAEADAH PELAKSANAAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN RENDIDIKAN SISWAZAH DAN PEGAWAI PERKHIDMATAN RENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Dengan hormatnya suka cita saya menarik perhatian YBhg. Dato' kepada perkara di atas:

2. Sebagaimana YBhg. Dato' sedia maklum, Kerajaan telah bersetuju untuk menambah baik dan memperkuatkannya lagi kaedah kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Rendidikan SiswaZah (PPPS) dan Pegawai Perkhidmatan Rendidikan Lepasan Diploma (PPPLD) berdasarkan kepada prinsip "Time-Based" Berasaskan Kecemerlangan sebagai kesinambungan kepadanya transformasi kecemerlangan dalam perkhidmatan perguruan. Dengan laluan kerjaya ini, PPPS boleh mencapai ke Gred DG54 dalam tempoh perkhidmatan 25 tahun dan PPPLD boleh mencapai ke Gred DGA38 dalam tempoh perkhidmatan 21 tahun dengan memenuhi tahap kecemerlangan serta syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran.

SULIT

3. Kaedah pelaksanaan bagi lajuan kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan adalah seperti di LAMPIRAN dan Kaedah ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012. Seperti mana YBhg. Dato' sedia maklum, kaedah pelaksanaan kenaikan pangkat *time-based* ini yang meliputi penetapan tarikh kenaikan pangkat, tahap pencapaian prestasi, tempoh peralihan dan kenaikan pangkat PPPS yang mengambil kira pengalaman PPPLD (Ex-PPFLD) adalah berdasarkan persetujuan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK/NUTP) dan Kongres Kesatuan Guru-Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran (KONGRES) berdasarkan mesyuarat pada 6 April 2012 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Dengan berkuatkuasanya pelaksanaan kaedah kenaikan pangkat *time-based* ini, surat Jabatan ini rujukan JPA.BK(S)134/8/92(1) bertarikh 7 Disember 2011 adalah dibatalkan.

4. Sukacita saya menyampaikan kaedah pelaksanaan ini untuk perhatian dan tindakan YBhg. Dato' sewajarnya. Semoga pelaksanaan urusan kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan kepada semua PPPS dan PPPLD di KPM akan dapat dikendalikan dengan lancar dan teratur. Sekiranya terdapat sebarang kemosykilan berhubung kaedah pelaksanaan urusan kenaikan pangkat ini, pihak YBhg. Dato' boleh menghubungi Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)